

Jadi rakyat Malaysia satu kebanggaan

BH-13/7/2007

KENYATAAN tegas Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengenai rakyat Malaysia yang menyerahkan kerakyatan mereka untuk menjadi warga negara lain menarik perhatian saya. Memang wajar mereka tidak harus diberikan kerakyatan semula.

Difahamkan bahawa 106,000 rakyat Malaysia menyerahkan kerakyatan dari 1996 hingga April lalu. Walaupun itu hak individu, apa yang pasti golongan ini tiada semangat cintakan tanah air dan sifat patriotik terhadap tanah air sendiri.

Semangat jati diri perlu ditanamkan dalam jiwa rakyat di negara ini supaya semangat cintakan tanah air dan negara tidak berbelah-bahagi.

Biro Tata Negara (BTN), Jabatan Perdana Menteri iaitu agensi membina dan memupuk semangat patriotisme dan kenegaraan di kalangan warga Malaysia harus melihat suasana penyerahan kerakyatan ini sebagai sesuatu yang serius.

Rakyat Malaysia harus diberikan pendedahan dan pembentukan ketahanan fizikal dan mental bagi meningkatkan semangat patriotisme dan cintakan negara.

Sebagai rakyat Malaysia, kita harus mempunyai pengetahuan tinggi mengenai sejarah kebangkitan negara pada awal prakemerdekaan dan perjuangan tokoh negara dalam usaha mendapat kemerdekaan daripada penjajah British ketika itu.

Generasi pasca merdeka harus menghayati dan menjunjung semangat patriotisme dan kenegaraan supaya dapat melahirkan jiwa dan nilai yang tinggi, malah mendokong harapan dan cita-cita menjadi sebuah negara maju pada 2020.

Sayangilah dan hargailah nilai kewarganegaraan yang menjadi tapak dan asas sebagai warga negara. Bak kata peribahasa Melayu 'hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, baik di negeri sendiri'.

Sebagai contoh, kerajaan sedia memberi kerakyatan kepada Mariam Johari, 86 yang terkandas di Korea Selatan selepas mengikuti seorang lelaki ke negara itu kira-kira 64 tahun lalu. Keprihatinan kerajaan ter-

hadap kisah wanita Melayu ini menunjukkan betapa pentingnya kewarganegaraan yang dapat menyatukan semula ahli keluarga berkenaan.

Tanpa jati diri, seseorang itu akan hilang identitinya. Ini akan menyebabkan seseorang itu hilang keyakinan diri, kepercayaan dalam diri sendiri dan semangat kenegaraan.

Oleh itu, penguasaan ilmu pengetahuan adalah teras bagi membolehkan seseorang mengenali diri dan peranan yang boleh dimainkan dengan lebih terang dan jelas.

Apa yang kerajaan harapkan ialah rakyat berganding bahu dalam membangunkan negara dan memajukan ekonomi. Rakyat harus memainkan peranan dalam menjayakan misi dan

visi kerajaan dan impian negara.

Selain itu, peranan pendidikan juga amat penting bagi melahirkan rakyat berjiwa merdeka dan melahirkan modal insan yang dapat berganding bahu dan bekerjasama memajukan negara.

Sempena menyambut ulang tahun ke-50 kemerdekaan negara tahun ini, marilah kita semua sebagai rakyat Malaysia menghayati dan menghargai nilai dan erti kemerdekaan yang sebenar. Semoga kita dapat menyumbang dan berkhidmat dalam erti kata yang sebenarnya untuk agama, bangsa dan negara.

HASBULLAH MAT DAUD,
Segambut, Kuala Lumpur.